

24/09/1997

Industri automobil negara belum matang

KUALA LUMPUR, Selasa - Industri automobil tempatan hanya boleh dianggap matang jika berupaya berdikari dan mengaut keuntungan tanpa bantuan kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, industri automobil negara ini meraih keuntungan kerana kerajaan tidak mengutip cukai tertentu daripada mereka.

"Situasi ini tidak begitu menggembirakan. Apa yang kita hendak lihat ialah industri automobil di negara ini untung atas usaha sendiri, walaupun kerajaan membantu melalui status pengecualian cukai.

"Hanya jika ia dicapai, baru kita boleh menganggap kita sudah matang sebagai pengeluar kereta," katanya di Majlis Menandatangani Perjanjian Antara Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton), Automobiles Citroen of France dan Usahasama Proton-DRB Sdn Bhd (USPD), di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Datuk Mohd Saleh Sulong dan Pengerusi Automobiles Citroen, Jacques Calvet.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, pengecualian cukai itu terpaksa diperkenalkan kerana kereta dipasang di negara ini sebenarnya lebih mahal daripada yang diimport.

"Tetapi disebabkan kita mahukan industri ini, kita harus bersedia, termasuk memperkenalkan pengurangan cukai itu," katanya.

Menurutnya, pembabitan negara dalam industri itu bukan hanya disebabkan hendak mengeluarkan kereta semata-mata tetapi juga kerana mahu menguasai kemahiran dalam bidang kejuruteraan dan komponen.

"Keadaan itu membolehkan kita sekarang mengeluarkan hampir 60 ke 70 peratus komponen kereta secara tempatan dan bakinya, dari negara asal kereta itu," katanya.

Sehubungan itu, katanya, ini membolehkan industri komponen tempatan semakin berkembang dan memberikan peluang kepada pelbagai pihak, terutama mereka yang terbabit dengan industri kecil dan sederhana (IKS).

"Pembabitan mereka itu akan menghasilkan suasana sihat untuk bersaing dan sekali gus membenarkan tawaran harga yang lebih rendah untuk barangan kereta," katanya.

(END)